

NO. SOALAN: 85

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI
MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

RUJUKAN : 7645

SOALAN:

Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah banduan warga asing yang terdapat di penjara seluruh negara mengikut negara dan nyatakan jenis kesalahan yang dilakukan serta kos yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan bagi membiayai kos penahanan banduan warga asing ini.

JAWAPAN:

Statistik Jabatan Penjara pada 23 Februari 2015 menunjukkan terdapat seramai 17,279 banduan warga asing ditahan atau menjalani hukuman di penjara di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, seramai 5,978 banduan terdiri daripada warga Indonesia, 3,124 warga Myanmar, 2,971 warga Filipina, 1,363 warga Bangladesh, 606 warga Thailand, 594 warga Vietnam dan selebihnya dari negara-negara lain.

Mereka ditahan kerana melakukan pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen, Akta Dadah Berbahaya, Kanun Keseksaan, Akta Senjata Api, Akta Perikanan, Peraturan Pendaftaran Negara dan lain-lain. Daripada jumlah tersebut, seramai 4,694 orang merupakan banduan bukan sabitan (reman) yang menunggu untuk perbicaraan.

Berhubung dengan kos yang terlibat untuk membiayai banduan warga asing semasa berada di dalam penjara, kerajaan membelanjakan sebanyak RM35.00 sehari bagi seorang banduan yang melibatkan kos utiliti iaitu penyediaan makanan, peralatan, pakaian, kesihatan, latihan, perhubungan, bekalan air, bekalan elektrik, emolomen kakitangan, program pemulihan dan lain-lain.